

2019 KEMPEN TAHUN BARU CINA: PROMOSI HONG LEONG PEMBIAYAAN MARGIN SAHAM 168 FAEDAH

Dikemaskini pada 17 Januari 2019

TEMPOH PROMOSI

"Promosi Hong Leong Pembiayaan Margin Saham 168 Faedah" ("Promosi") Hong Leong Bank Berhad (97141-X) ("**HLB**") bermula pada 22 Januari 2019 dan berakhir pada 28 Februari 2019 termasuk kedua-dua tarikh ("Tempoh Kempen"), melainkan diberitahu sebaliknya melalui penyiaran dalam laman web HLB di www.hlb.com.my ("**Laman Web HLB**").

TERMA & SYARAT

Terma dan syarat Promosi adalah seperti berikut:-

KELAYAKAN

1. Promosi terbuka untuk penyertaan oleh seluruh warga Malaysia dan bukan warga Malaysia yang menetap di Malaysia ("**Pelanggan**") yang merupakan Pelanggan HLB yang baharu dan sedia ada dengan kriteria berikut:-
 - a. Berumur antara 21 dan 65 tahun; dan
 - b. Permohonan baharu untuk Kemudahan Pembiayaan Margin Saham ("**Kemudahan**") semasa Tempoh Kempen dengan saiz pinjaman minimum sebanyak RM100,000 ("**Pelanggan SMF**")
2. Yang berikut ini **TIDAK** layak menyertai Promosi ini:
 - i. Pelanggan bukan individu: Pelanggan HLB bermaksud persatuan, empunya tunggal, perkongsian, perkongsian liabiliti terhad dan syarikat sendirian berhad yang merupakan PKS mikro bukan perkilangan.
 - ii. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen.
 - iii. Pelanggan yang telah melakukan, atau ditentukan oleh Bank berpotensi melakukan kesalahan yang dinyatakan di dalam ini.
 - iv. Pelanggan yang membuat permohonan baharu untuk Kemudahan membeli saham di bawah Skim Opsyen Saham Pekerja (ESOS) dan Penawaran Awam Permulaan (IPO).
 - v. Pelanggan sedia ada dengan Kemudahan sedia ada sebelum Tempoh Kempen yang semasa Tempoh Kempen telah membuat permohonan baharu untuk Kemudahan meningkatkan had kemudahan sedia ada.
 - vi. Pelanggan sedia ada yang telah menutup Kemudahan yang ada sebelum ini dan telah memohon untuk membuka Kemudahan baharu di bawah Promosi ini dalam masa satu (1) tahun dari tarikh penutupan tersebut.
 - vii. Kakitangan tetap dan kontrak Bank.

MEKANIK PROMOSI

3. Pelanggan yang memenuhi kriteria dalam Fasal 4 Terma & Syarat ini ("**Pelanggan Layak**") berhak menyertai Promosi di bawah ini:-
 - a. Kadar faedah Kemudahan sebanyak 1.68% setahun untuk tiga (3) bulan pertama; dan
 - b. Selepas itu, untuk bulan keempat (ke-4) ke atas, faedah akan dikenakan pada Kadar Pinjaman Asas (BR) + 1.17%.

4. Untuk menyertai Promosi ini, Pelanggan Layak dikehendaki melaksanakan dan memenuhi syarat/kriteria yang ditetapkan seperti di bawah:-
 - a. Memohon Kemudahan semasa Tempoh Kempen di mana-mana cawangan HLB; dan
 - b. Biar apa pun yang dinyatakan dalam Tempoh Kempen, tempoh tangguh selama satu (1) bulan lagi dari tarikh luput Tempoh Kempen, iaitu sehingga 31 March 2019 akan diberi kepada Pelanggan Layak khusus untuk tujuan membolehkan Pelanggan Layak menerima Kemudahan bagi permohonan yang dibuat sebelum luputnya Tempoh Kempen dan Pelanggan hendaklah membuka Kemudahan baharu selewat-lewatnya 31 March 2019.
 - c. Bagi mengelakkan keraguan, HLB tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pelanggan Layak tidak layak menyertai Promosi disebabkan Pelanggan Layak gagal membuka Kemudahan dalam masa Tempoh Kempen dan untuk menerima Kemudahan selewat-lewatnya 31 March 2019 (jika berkenaan), atas apa jua sebab sekalipun. Pada dasarnya Pelanggan Layak berkewajipan untuk memastikan bahawa mereka hendaklah membuka Kemudahan dalam masa Tempoh Kempen dan untuk menerima Kemudahan selewat-lewatnya 31 March 2019 (jika berkenaan) dan menjelaskan segala caj berkenaan yang dikenakan bagi pembukaan Kemudahan (termasuk tetapi tidak terhad kepada pembayaran duti setem dan fi guaman bagi Perjanjian Kemudahan dan dokumen-dokumen berkenaan yang lain) dengan segera.

UMUM

5. Promosi ini TIDAK sah terpakai bersama-sama promosi sedang berjalan yang ditawarkan oleh HLB dari semasa ke semasa.
6. Dengan menyertai Promosi, Pelanggan HLB bersetuju:
 - i. telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat di dalam ini;
 - ii. bersetuju untuk mengakses laman web HLB di www.hlb.com.my ("Laman Web HLB") dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti sebarang perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat.
 - iii. semua rekod transaksi yang dirakamkan oleh sistem HLB dalam masa Tempoh Promosi dan senarai Pelanggan HLB adalah tepat dan muktamad;
 - iv. keputusan HLB atas segala hal berkaitan dengan Promosi adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pelanggan HLB dan sebarang surat-menyurat dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLB tidak akan dilayani;
 - v. setuju dengan permohonan Kemudahan adalah tertakluk kepada penilaian kredit dan kelulusan bagi pihak HLB
7. HLB berhak:
 - i. Menolak permohonan Kemudahan tanpa memberitahu alasan;
 - ii. melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan PB atas apa jua sebab sekalipun yang dianggap sesuai oleh HLB atas budi bicara mutlaknyanya daripada menyertai Promosi
 - iii. menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, dengan memberi notis awal atas budi bicara HLB dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB;
8. Pelanggan harus menjelaskan segala caj berkenaan yang dikenakan bagi pembukaan Kemudahan (termasuk tetapi tidak terhad kepada pembayaran duti setem dan fi guaman bagi Perjanjian Kemudahan dan dokumen-dokumen berkenaan yang lain).
9. Pelanggan PB yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana perkhidmatan dan/atau kemudahan yang diberi oleh HLB /

HLISB atau telah diisytiharkan mufliis (menurut petisyen oleh sama ada bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemufliisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi tidak layak menyertai Promosi.

10. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.
11. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.